

15 JAN 1997

ANWAR: TIADA SEBAB CAMPUR TANGAN DALAM PERGERAKAN RINGGIT SEKARANG

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan beliau tidak nampak sebab mengapa pihak berkuasa harus campur tangan dalam pergerakan ringgit yang telah meningkat sejak kebelakangan ini.

Ringgit ditutup tinggi hari ini pada 2.4745/45 berbanding dolar Amerika semalam 2.4825/35.

Pada hari Isnin, ringgit telah mencapai paras 17 bulan tertinggi pada 2.4685/95 manakala kira-kira seminggu lalu ia berlegar pada paras 2.52.

"Mengapa kita harus campur tangan?" tanya Anwar apabila ditanya pemberita selepas mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet bagi Barangan Perlu di sini.

Beliau menyatakan ringgit adalah kukuh sejak tahun lalu.

Wakil penjual wang tukaran asing telah mengaitkan secara relatif kenaikan ringgit kepada kadar faedah Malaysia yang tiniggi. Mereka juga menyatakan pengurus dana asing berminat untuk mengambil kesempatan daripada hasil kadar tinggi tersebut.

Berkaitan dengan dakwaan terdapat urus niaga tidak jujur dalam penawaran kontrak telekomunikasi di negara ini, Anwar menyatakan beliau telah menerima maklumat awal mengenai perkara itu.

Beliau menyatakan jika dakwaan itu benar, tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

Anwar menyatakan beliau telah memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perkara itu sebelum beliau berlepas ke Amerika Syarikat dan Jepun dan beliau juga telah mengarahkan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memulakan penyiasatan.

"Setakat ini, kami tidak mempunyai maklumat yang dapat membolehkan kami mengambil tindakan memandangkan ia agak terlalu umum dan tidak mencukupi untuk mengesahkan dakwaan tentang ketidakjujuran dalam pemberian tender telekomunikasi," katanya.

"Perdana Menteri dan saya membincangkan perkara itu dan jika berlaku penyelewengan, tindakan sewajarnya akan diambil," tegas beliau.

Anwar berkata beliau telah mengarahkan bahagian kontrak di Kementerian Kewangan untuk "berbincang dengan Telekom Malaysia" supaya semua tatacara dipatuhi dan sepatutnya jelas.

"Ketua pegawai eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohd Said Mohd Ali telah diberitahu mengenai perkara itu sebelum beliau berlepas ke Amerika Syarikat bersama-sama perdana menteri, " katanya. -- BERNAMA

ARA SIA